

Kapal bawa diesel haram RM1.2j

Labuan: Sebuah kapal tangki membawa muatan diesel 450,000 liter bernilai RM1.2 juta, dirampas polis marin Labuan pada Khamis lalu kerana memiliki minyak itu secara haram.

Kapal itu ditahan selepas kaptennya gagal mengemukakan rekod pembelian dan penjualan minyak itu.

Ketua Komander Polis Marin (Wilayah 4) Sabah, Asisten Komisioner Mohamad Pajeri Ali, berkata kapal itu ditahan pada jam 5 petang ketika operasi antara agensi 'Op Gelora Khas' dengan pegawai pejabat Kemen-

terian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Labuan..

Beliau berkata, setakat ini, ia rampasan terbesar dalam operasi marin Labuan tahun ini.

"Pasukan kami mengadakan rondaan di kawasan perairan Labuan apabila ternampak kapal itu berada dalam keadaan mencurigakan berhampiran pelabuhan Labuan.

"Ketika pemeriksaan, pasukan kami menjumpai hampir setengah juta liter diesel tanpa permit dan kelulusan KPDNHEP yang menjadi kesalahan


mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Kapten kapal itu gagal mengemukakan dokumen diperlukan dan kami mendapati ada sesuatu mencurigakan serta terus menahan kapal itu dan menundanya ke jeti kami," katanya.

Kapten berusia 43 tahun adalah rakyat Indonesia, bersama enam kru rakyat Malaysia berusia antara 26 hingga 40 tahun ditahan untuk siasatan lanjut.

Kapal itu dianggarkan bernilai RM300,000, manakala diesel terbabit bernilai RM963,000.

BERNAMA



Anggota polis marin memeriksa kapal tangki yang membawa diesel haram di Perairan Labuan, Khamis lalu.
(Foto Juwan Riduan/BH)